

BENTUK SAPAAN UNTUK PENGAJARAN BAHASA

ZAITON BINTI OTHMAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2006

BENTUK SAPAAN UNTUK PENGAJARAN BAHASA

ZAITON BTE OTHMAN

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2006

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

07 April 2006

.....
ZAITON BTE OTHMAN
M20041000168



Dengan izin Allah S.W.T
dan atas segala pengorbanan
yang telah diberikan kepada saya,
saya dedikasikan desertasi ini khusus buat:

Suami dan anak-anak yang tersayang

ABDUL MUKTI BIN AHMAD

NAILI HAYATI BT ABDUL MUKTI

ABDUL KHALID BIN ABDUL MUKTI

ABDUL QAYUM BIN ABDUL MUKTI

Juga anak saudara yang selalu membantu

MOHD HAZIQ BIN SAMSUDDIN

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasihani. Syukur Alhamdulillah dengan limpah kurnia-Nya maka tesis Sarjana Pendidikan (Bahasa Melayu) yang bertajuk “Bentuk Sapaan Untuk Pengajaran Bahasa” ini telah dapat dihasilkan.

Banyak pihak yang telah bekerjasama untuk membantu sama ada dari segi buah fikiran dan material dalam proses penghasilan tesis ini. Kepada semua, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tidak terhingga.

Dedikasi khusus kepada Prof. Abdullah bin Hassan, selaku penyelia dan penasihat akademik saya sejak semester pertama telah banyak membimbing, memberi nasihat dan motivasi sehingga. selesainya penulisan ini. Saya sungguh terhutang budi kepada beliau dalam perkara ini sehingga tidak ada kata yang dapat saya lafazkan kecuali jutaan terima kasih.

Sekalung penghargaan juga saya tujukan kepada teman-teman sekuliah dan pihak yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung dalam membantu saya semasa menjalankan kajian ini. Tidak lupa juga terima kasih kepada Puan Azmaniza Abdul Aziz, Encik Zulkifli bin Mohd Zain, rakan-rakan dan ahli keluarga yang selalu memberi semangat dan dorongan kepada saya. Akhir sekali buat anak didik yang memahami situasi cikgu, terima kasih diucapkan.

APRIL 2006

ZAITON BTE OTHMAN
35, Taman Seri Keroh,
33100 Pengkalan Hulu,
Perak Darul Ridzuan.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iv
ABSTRACK	v
 BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Tujuan Kajian	4
1.4 Hipotesis Kajian	5
1.5 Definisi Istilah	
1.5.1 Sapaan	6
1.5.2 Bentuk Sapaan	6
1.5.3 Sistem Panggilan	6
1.5.4 Pengajaran	7
1.5.5 Pengajaran Bahasa	7
1.5.6 Bahasa Melayu	7
1.5.7 Mata Pelajaran Bahasa Melayu	7
1.6 Batasan Kajian	8
1.7 Kepentingan Kajian	8

BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	
2.1	Pendahuluan	11
2.2	Pengertian Konsep	11
2.2.1	Kata Ganti Nama Diri	11
2.2.2	Sistem Panggilan	15
2.3	Kajian Berkaitan Bentuk Sapaan	17
2.3.1	Kajian Dalam Negara	17
2.3.2	Kajian Luar Negara	18
2.4	Kesimpulan	21
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	23
3.2	Reka Bentuk Kajian	23
3.3	Prosedur Pengumpulan Data	25
3.4	Alat Kajian	27
3.5	Soalan Kajian	28
3.6	Analisis Kajian	29
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pendahuluan	30
4.2	Kata Ganti Nama Diri	31
4.2.1	Kata Ganti Nama Diri dalam Masyarakat Melayu Lama	32

4.2.1.1	Raja dengan Pembesar dan Rakyat Jelata	32
4.2.1.2	Pembesar-pembesar dan Rakyat Jelata kepada Raja	35
4.2.1.3	Pembesar-pembesar dan Rakyat Jelata	36
4.2.2	Kata Ganti Nama Diri dalam Masyarakat Melayu Pada Masa Kini	37
4.2.3	Kesimpulan Kata Ganti Nama Diri	39
4.3	Perbezaan Maksud Antara Kata Sapaan dengan Sistem Panggilan	42
4.3.1	Kata Sapaan	42
4.3.2	Sistem Panggilan	43
4.4	Sistem Gelaran dalam Bahasa Melayu	41
4.4.1	Gelaran Warisan	44
4.4.2	Gelaran Kurniaan	45
4.4.3	Gelaran Jawatan	46
4.4.4	Gelaran Keagamaan	46
4.4.5	Rujukan Kehormat	47
4.5	Fungsi sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu	54
4.5.1	Kata Ganti Nama Diri	54
4.5.2	Kata Sapaan dan Sistem Panggilan	56
4.6	Suasana Penggunaan Bentuk Sapaan	59
4.6.1	Bentuk Sapaan dalam Suasana Tidak Rasmi	59
4.6.2	Bentuk Sapaan dalam Suasana Rasmi	63
4.7	Kesalahan-kesalahan yang Selalu Atau Umum Tentang Kata Ganti Nama Diri, Kata Sapaan dan Sistem Panggilan	64

4.7.1	Penggunaan Kata Ganti Nama Diri yang Tidak Tepat	65
4.7.2	Menyapa Guru Tanpa Menggunakan Kata Sapaan	66
4.7.3	Menggunakan Panggilan Mesra dalam Suasana Formal	67
4.7.4	Menyebut Nama Peribadi Orang yang Berjawatan di sekolah	69
4.7.5	Menyebut Nama Peribadi Orang yang Berjawatan Rendah	70
4.7.6	Menyebut Kata Panggilan dan Gelaran Jawatan yang Tidak Tepat	70
4.7.7	Penggunaan Dialek Dalam Suasana Rasmi	71
4.8	Kesimpulan Dapatan Kajian	71

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	72
5.2	Kesimpulan	
5.2.1	Kata Ganti Nama Diri	72
5.2.2	Situasi Penggunaan Kata Ganti Nama Diri	73
5.2.3	Fungsi Kata Sapaan dan Kata Panggilan	73
5.2.4	Kata Rujukan Kehormat dan Gelaran	74
5.2.5	Gender dalam Kata Ganti Nama Diri	75
5.2.6	Kata Gelaran Si	75
5.3	Implikasi dalam Mengajar Bahasa Melayu	76
5.4	Cadangan	77
5.4.1	Cadangan untuk Pengajaran Kata Ganti Nama Diri	77

5.4.2	Cadangan Kajian Lanjutan	79
5.5	Kesimpulan Kajian	79

BIBLIOGRAFI



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Apabila dilihat dalam lingkungan yang lebih kecil iaitu di sekolah, kerap terdapat pelajar bukan Melayu yang menggunakan kata ganti nama diri seperti *aku*, *awak* dan *kamu* semasa bercakap dengan guru. Malahan terdapat dalam kalangan pelajar Melayu yang memberi salam kepada guru tanpa menggunakan kata sapaan terlebih dahulu. Beberapa situasi yang dinyatakan ini menunjukkan betapa aspek kesantunan berbahasa kurang diberi perhatian dan belakangan ini merupakan fenomena yang perlu diberi perhatian.

Berdasarkan situasi di atas menunjukkan betapa pentingnya bentuk sapaan yang tepat dan betul digunakan di dalam sesuatu komunikasi sama ada bentuk lisan atau tulisan. Seseorang individu itu dikatakan sebagai orang yang bersopan santun atau sebaliknya, antaranya adalah melalui perkataan-perkataan yang digunakannya ketika berinteraksi dengan orang lain. Penggunaan bentuk panggilan yang salah akan

membayangkan kekurangan asuhan yang baik, dan akan dianggap sebagai satu penghinaan oleh orang yang disapa sebagai biadap atau kurang ajar (Nik Safiah Karim, 1990: 103).

Bahasa bukan hanya berfungsi untuk menyampaikan pemikiran dan perasaan seseorang kepada pihak yang mendengar atau diajak bercakap semata-mata tetapi sebagai penentu hubungannya dengan pihak yang mendengar, menentukan kedudukan dirinya dalam kumpulan sosial tertentu, dan jenis perbualan yang akan wujud seterusnya. Di sinilah peranan dimainkan oleh bentuk panggilan untuk melaksanakan fungsi bahasa.

Menurut Abdullah Hassan (2005: 20), dalam menggunakan bahasa ada dua aspek penting yang perlu diberi perhatian iaitu:

- (i) Mekanisme bahasa iaitu peraturan-peraturan seperti sebutan, ejaan, tatabahasa, kosa kata, tanda baca, dll.
- (ii) Dinamika bahasa iaitu peraturan-peraturan yang menuntut kita menggunakan sopan dan santun bahasa yang dipanggil tatabahasa sosial.

Dengan mengetahui peraturan nahu, seseorang itu dapat melahirkan ayat yang bermakna dan difahami oleh pendengar. Sementara peraturan dalam kalangan pengguna bahasa itu merupakan perlakuan bahasa dalam sesebuah masyarakat. Jelas menunjukkan bahawa kedua-dua aspek bahasa itu perlu dikuasai kerana kedua-dua aspek itu saling melengkapi antara satu sama lain.

Oleh itu bentuk sapaan yang betul dan sesuai perlu digunakan untuk menyapa dan memanggil seseorang sama ada dalam situasi rasmi atau tidak rasmi. Berdasarkan situasi inilah maka kajian ini dijalankan dengan merujuk perkara-perkara yang dibincangkan berikutnya.

1.2 Pernyataan Masalah

Kemahiran menggunakan bahasa dengan berkesan memerlukan penguasaan tatabahasa yang baik dan seterusnya menggunakannya dalam konteks wacana dan komunikasi. Kemahiran ini ditekankan dalam sukatan pelajaran bahasa Melayu sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun di peringkat sekolah menengah khususnya dalam sukatan semakan tahun 2003. Merujuk kepada Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (Semakan 2003:12) penekanan diberikan terhadap aspek bahasa iaitu peraturan sosiobudaya yang meliputi kesantunan bahasa, laras bahasa dan peribahasa. Penekanan terhadap aspek kesantunan bahasa ini bertujuan menyediakan murid untuk menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dengan menggunakan peraturan tatabahasa secara betul dan tepat.

Umumnya penggunaan sesuatu bahasa itu, seperti bahasa Melayu akan dapat menggambarkan identiti dan sikap orang yang menggunakannya. Panggilan-panggilan tertentu untuk orang-orang yang lebih tua atau lebih tinggi status oleh penutur-penutur bahasa Melayu amnya memperlihatkan sikap orang-orang Melayu yang menghormati orang-orang tua dan orang-orang yang mempunyai kedudukan yang tinggi dalam masyarakat (Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam, 1984: 237). Jelas menunjukkan betapa pentingnya peraturan tatabahasa sosial didedahkan kepada para pelajar dalam pengajaran bahasa Melayu kerana peraturan sosiobudaya ini mencerminkan falsafah dan keperibadian masyarakat Malaysia. Penekanan ini diberikan dengan adanya masalah-masalah berikut:

- (a) Ketidakpastian atau kekeliruan terhadap penggunaan kata sapaan dan kata panggilan sama ada di dalam situasi formal atau tidak formal.

- (b) Penggunaan kata sapaan dan kata panggilan berbentuk gelaran dan rujukan kehormat yang kurang tepat.
- (c) Kekeliruan yang timbul dalam kalangan pelajar terhadap penggunaan kata ganti nama diri khususnya kata ganti nama diri pertama tunggal atau jamak. Contohnya penggunaan kata ganti diri pertama jamak *kami* dan *kita* sering digunakan merujuk kata ganti nama diri pertama tunggal iaitu *saya* atau *aku*. Sementara dalam kalangan pelajar bukan Melayu, penggunaan kata ganti nama diri yang tidak tepat semasa berkomunikasi dengan guru atau rakan-rakan. Contohnya penggunaan kata ganti nama *awak* dan *kamu* digunakan apabila bercakap dengan guru.
- (d) Pentingnya kesedaran untuk menggunakan bentuk sapaan yang betul sama ada dalam bentuk wacana mahupun komunikasi.
- (e) Menurut Abdullah Hassan (2005:3) kita dianggap sudah mahir berkomunikasi dalam bahasa kebangsaan jika kita baik dalam aspek tatabahasa. Tanggapan ini perlu diperbetulkan melalui pengajaran bahasa dengan menekankan aspek kesantunan bahasa.

1.3 Tujuan Kajian

Merujuk pernyataan masalah di atas, kajian ini dijalankan dengan tujuan berikut:

- (a) Kajian ini membolehkan kita membezakan penggunaan bentuk sapaan yang terdapat dalam bahasa Melayu seperti kata ganti nama diri dan sistem panggilan. Bahasa Melayu juga dikatakan mempunyai bentuk sapaan yang rencam. Ini jelas dapat dilihat kata ganti nama diri dan sistem panggilan mempunyai fungsi yang

berlainan, dan kadangkala kata ganti nama diri itu akan mengambil tempat sistem panggilan. Situasi ini berlaku kerana dalam bahasa Melayu penggunaan kata ganti nama diri berkait rapat dengan kata sapaan atau panggilan. Kekeliruan ini menjadi lebih rencam apabila melibatkan penutur bukan Melayu dengan latar belakang bahasa dan budaya yang agak berlainan daripada masyarakat Melayu. Oleh itu, aspek ini perlu diberi perhatian dan penekanan dalam pengajaran bahasa.

- (b) Kajian ini juga diharap dapat memperjelas kepada penutur bahasa Melayu khususnya dalam kalangan pelajar bahawa penggunaan bentuk sapaan itu perlu disesuaikan dengan tujuan dan suasana komunikasi itu berlangsung sama ada situasi rasmi atau tidak rasmi. Seterusnya pemahaman yang mantap terhadap bentuk sapaan ini dapat mengelakkan kekeliruan atau kesilapan semasa mereka menggunakan bentuk sapaan itu sama ada dalam penulisan seperti penulisan karangan, surat kiriman rasmi atau komunikasi lisan.

1.4 Hipotesis Kajian

- (a) Penekanan terhadap bentuk sapaan yang tepat dalam pengajaran akan membolehkan para pelajar menggunakan kata ganti nama diri dan sistem panggilan yang betul dan tepat dalam komunikasi lisan dan juga penulisan.
- (b) Kita dapat mengenal pasti bahawa bentuk sapaan memang penting ditekankan untuk pengajaran bahasa berdasarkan hasrat yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah Semakan 2003.

1.5 Definisi Istilah

Kajian ini menggunakan beberapa perkataan dan frasa yang perlu diberikan definisi, iaitu seperti berikut:

1.5.1 Sapaan

Sapaan bermaksud teguran atau kata-kata yang dikeluarkan pada mula bertemu atau memulakan perbualan (Kamus Milenium, 2000:619). Dalam Kamus Dewan, Edisi Keempat (2005: 1390) pula sapaan ialah cara atau peraturan memanggil.

1.5.2 Bentuk Sapaan

Menurut Kamus Lingusitik (1997: 40), bentuk sapaan atau panggilan terdiri daripada perkataan-perkataan yang digunakan untuk merujuk individu-individu tertentu berdasarkan atau dikaitkan dengan kedudukannya dalam masyarakat. Bentuk sapaan atau panggilan yang digunakan itu adalah berdasarkan tinggi atau rendahnya status atau darjat seseorang individu. Sesuatu bentuk sapaan atau panggilan berfungsi untuk menggantikan nama seseorang individu dan dapat pula membezakan mereka dari segi jantina.

1.5.3 Sistem Panggilan

Sistem bermaksud cara atau kaedah yang teratur untuk melakukan sesuatu (Kamus Milenium, 2000: 663). Panggilan pula bermaksud gelaran atau sebutan nama (Kamus Dewan Edisi Baru 1995: 901). Oleh itu, sistem panggilan bermaksud kaedah atau peraturan yang digunakan untuk memanggil atau menggelar seseorang atau individu dalam perbualan, sama ada melibatkan hubungan keluarga atau hubungan luar keluarga.

1.5.4 Pengajaran

Menurut Arbak Othman (1985: 1-2) maksud pengajaran boleh berbeza-beza menurut cara orang mentafsirkannya. Ada yang mengatakan pengajaran ialah suatu proses pengendalian bilik darjah. Selain itu, ada yang mengatakan pengajaran merupakan suatu aktiviti. Bahkan, ada juga yang mengatakan bahawa pengajaran ialah sesuatu organisasi bilik darjah. Malahan, ada pula yang mengatakan pengajaran ialah suatu bentuk hubungan guru-murid dengan mengarah kepada suatu matlamat tertentu yang harus dicapai.

1.5.5 Pengajaran Bahasa

Menurut Arbak Othman (1985: 15) pengajaran bahasa sebagai cara-cara guru menyampaikan maklumat kepada pelajarinya tentang bagaimana sesuatu bahasa itu digunakan.

1.5.6 Bahasa Melayu

Berdasarkan Perkara 152 (1) juga, jelas tercatat status bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Bahasa Melayu juga merupakan bahasa perpaduan rakyat di negara ini. Oleh itu, untuk merealisasikan, setiap warganegara Malaysia seharusnya menguasai bahasa Melayu dengan baik supaya mereka dapat berkomunikasi dengan baik dan berkesan tanpa menimbulkan salah faham sama ada cara lisan ataupun tulisan.

1.5.7 Mata Pelajaran Bahasa Melayu

Selaras dengan dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, Bahasa Melayu ialah sebagai mata pelajaran teras di semua sekolah rendah dan menengah. Sehubungan itu, bidang pendidikan bertanggungjawab untuk merealisasikan keadaan ini dengan menetapkan Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib dalam kurikulum di semua peringkat persekolahan bertujuan untuk melengkapkan murid dengan ketrampilan berbahasa dan berkomunikasi selaras dengan peranannya sebagai bahasa ilmu. Mata pelajaran Bahasa Melayu juga telah dijadikan syarat lulus untuk pensijilan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai tahun 2004.

1.6 Batasan Kajian

Kajian yang menggunakan kaedah perpustakaan ini memerlukan pengkaji merujuk dan mendapatkan serta memahami aspek yang berkaitan dengan bentuk sapaan iaitu kata ganti nama diri dan sistem panggilan dengan cara merujuk sumber-sumber ilmiah yang terdiri daripada buku dan bahan-bahan yang berkaitan. Selain itu pemerhatian dilakukan untuk mengenal pasti kesalahan-kesalahan umum atau kerap berlaku semasa menggunakan bentuk sapaan khususnya dalam kalangan pelajar, guru dan kaki tangan sekolah.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk pengajaran bahasa Melayu kerana kita dapat menerapkan pengetahuan tentang tatabahasa sosial khususnya aspek kesantunan bahasa seperti yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah Semakan 2003.

Secara tidak langsung unsur budaya Melayu juga dapat diterapkan dalam pengajaran bahasa kepada pelajar-pelajar yang terdiri daripada berbilang kaum.

Pengetahuan dan pemahaman terhadap penggunaan bentuk sapaan yang betul tentunya dapat mengelakkan kesalahfahaman atau prasangka antara budaya yang berlainan semasa mereka ketika berkomunikasi. Mereka juga dapat menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dengan menggunakan peraturan tatabahasa secara tepat dan betul. Justeru itu, bentuk sapaan yang dipelajari itu juga akan digunakan dalam kehidupan mereka sama ada dalam alam pekerjaan atau kemasyarakatan.

Kajian ini juga dapat membantu guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu agar perlu lebih peka terhadap tatabahasa sosial. Penguasaan bentuk sapaan yang terdiri daripada kata ganti nama diri, kata sapaan, sistem panggilan dan gelaran dalam kalangan guru sendiri penting kerana tutur kata guru akan menjadi contoh dan ikutan para pelajar.

Gurulah yang berpeluang untuk menegur dan membetulkan kesilapan atau kesalahan penggunaan bentuk sapaan ini dalam kalangan pelajar agar masalah ini tidak berpanjangan. Menyedarkan para pelajar betapa pentingnya untuk memahami konsep bentuk sapaan agar mereka dapat mengelakkan daripada melakukan kesilapan yang tidak sepatutnya dilakukan dalam komunikasi sama ada bertulis atau lisan.

Kajian ini juga sesuai dan mempunyai hubungan dengan kempen budi bahasa yang telah dilancarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia di peringkat kebangsaan pada 21 Jun 2005 yang lalu, antara tujuannya untuk melahirkan generasi pelajar yang mempunyai kesantunan berbahasa. Penggunaan kata ganti nama diri dan sistem panggilan yang tepat amat penting untuk pelajar bagi mempersiapkan mereka dengan

pengaruh sosiobudaya pada masa ini yang kurang mementingkan aspek kesantunan berbahasa.

Sehubungan itu, bahasa yang digunakan dalam sesuatu proses komunikasi sama ada secara lisan mahupun tulisan, secara langsung dapat menyerlahkan sopan santun seseorang individu. Kewujudan situasi ini jelas terpapar melalui peribahasa Melayu, 'orang berbudi kita berbahasa' dan 'bahasa menunjukkan bangsa.' Kesilapan seseorang individu menggunakan bahasa yang tidak sesuai membolehkannya dianggap sebagai orang yang tidak bersopan. Sesungguhnya bahasa berperanan sebagai penyerlah sopan santun seseorang individu memang tidak dapat dipertikaikan.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bahagian pertama bab ini akan mengemukakan pendapat-pendapat ahli bahasa tentang pengertian konsep kata ganti nama diri dan sistem panggilan yang menjadi fokus dalam kajian ini. Bahagian kedua pula akan melihat kajian lalu yang berkaitan dengan bentuk sapaan dalam bahasa Melayu.

2.2 Pengertian Konsep

2.2.1 Kata Ganti Nama Diri

Menurut Za'ba (1965: 99-102) nama pengganti atau ganti nama ialah nama yang dipakai untuk menggantikan nama betul kerana tidak mahu menyebut nama betul itu berulang-ulang atau tidak diketahui. nama orang atau benda atau lain-lain.

Ganti nama diri pula ada beberapa jenis iaitu:

- (i) Ganti nama yang pertama ialah nama yang dipakai mengganti nama diri orang yang bercakap. Perkataan-perkataan itu ialah aku, saya kami, kita dan lain-lain.
- (ii) Ganti nama yang kedua ialah perkataan yang digunakan untuk mengganti diri orang yang dilawan bercakap. Perkataan-perkataan itu ialah engkau, awak, mika, kamu dan lain-lain.
- (ii) Ganti nama yang ketiga ialah perkataan yang digunakan untuk mengganti diri orang yang dicakapkan. Perkataan-perkataan itu ialah ia, dia, -nya, mereka.

Selain itu, perkataan-perkataan ganti nama tidak pernah dibezakan antara lelaki dan perempuan atas alasan:

- (i) Pada ganti nama yang pertama dan yang kedua, semasa bercakap antara kedua-dua orang itu tentunya telah sedia diketahui jantinya.
- (ii) Pada ganti nama yang ketiga pula, ganti nama ini mengikut nama perkataan yang digantikannya.

Sementara itu, menurut Asmah Haji Omar (1982: 65) kata ganti nama diri adalah kata yang dapat menggantikan kata nama manusia, dan secara terbatas kata nama yang lain. Beliau juga menyatakan penggunaan kata ganti nama diri ini boleh dilihat dari dua konteks iaitu konteks sosiolinguistik dan konteks nahu. Dalam kedua-dua konteks ini, kata ganti nama diri dibahagikan kepada system diri pertama, diri kedua dan diri ketiga.

Arbak Othman (1984: 35) menyatakan bahawa kata ganti nama diri ialah kata yang digunakan untuk menggantikan nam orang seperti saya, dia, mereka, kami, awak

dan kita. Kata ganti nama diri ini terbahagi kepada kata ganti nama orang pertama, kata ganti nama orang kedua dan kata ganti nama orang ketiga.

Menurut Abdul Hamid Mahmood (1994: 85-86), kata ganti nama diri melibatkan tiga jenis diri berdasarkan sama ada diri itu penutur, orang yang dilakukan bertutur, orang yang dilawan bertutur, orang yang dituturkan dan sama ada diri itu manusia atau bukan manusia. Dari itu lahirlah kata ganti nama diri orang pertama, kedua dan ketiga. Ketiga-tiga peringkat kata ganti nama diri tersebut boleh menggantikan kata nama manusia, tetapi kata ganti nama diri orang ketiga sahaja boleh menggantikan kata nama bukan manusia. Ketiga-tiga peringkat ganti nama diri tersebut boleh hadir dalam bentuk tunggal dan jamak.

Abdullah Hassan (2004: 118) pula menjelaskan ganti nama diri digunakan apabila kita tidak mahu menyebut nama sebenar orang itu. Ganti nama diri ini terdiri daripada tiga jenis iaitu:

- (i) Orang pertama ialah orang yang bercakap. Perkataan yang boleh menggantikan nama diri orang yang bercakap ialah saya (bahasa halus), beta(bahasa istana), aku (bahasa basahan), ku (bentuk pendek), kita dan kami.
- (ii) Orang kedua ialah orang yang dilawan bercakap. Perkataan yang boleh menggantikan nama diri orang yang dilawan bercakap ialah awak (bahasa basahan, anda (bahasa rasmi), engkau (basahan), kau (bentuk pendek), kamu (bahasa basahan) dan kalian
- (iii) Orang ketiga ialah orang lain yang disebut ketika kita bercakap dengan orang kedua. Perkataan yang boleh menggantikan nama orang itu ialah dia (bahasa

basahan), ia (untuk bukan manusia), beliau (bahasa rasmi), nya (bentuk pendek), baginda (bahasa istana) dan mereka (bahasa rasmi).

Sementara itu, Nik Safiah Karim (1990: 95) pula menyatakan dalam bahasa Melayu terdapat dua jenis kata ganti iaitu:

- (i) Yang digunakan oleh orang-orang biasa.
- (ii) Yang digunakan di kalangan kerabat diraja, dan oleh orang biasa sama ada kepada atau mengenai golongan diraja.

Beliau juga menerangkan kata ganti dalam bahasa Melayu juga dibezakan kepada:

- (a) Bentuk-bentuk halus atau hormat (BH) dan bentuk-bentuk tidak hormat atau
- (b) Bentuk-bentuk baku dan bentuk-bentuk dialek.

Umumnya bentuk kasar (BK) bentuk-bentuk halus dianggap digunakan dalam kalangan “orang baik-baik” dan penutur bertutur dengan tujuan menyatakan mereka berasal daripada keluarga yang baik atau sebagai tanda hormat antara mereka sesama sendiri. Sementara bentuk kasar dianggap sebagai bentuk yang digunakan oleh orang-orang yang rendah kedudukannya atau yang kurang menerima ajaran tatatertib, dan sebagainya.

Berdasarkan pandangan ahli-ahli bahasa di atas dapatlah dirumuskan bahawa kata ganti nama diri adalah perkataan yang digunakan untuk mengganti nama orang dan menjadi pengganti kata nama khas bagi manusia. Kata nama diri manusia ini terdiri daripada kata ganti nama diri orang pertama iaitu *saya, aku, beta, patik, hamba (tunggal) kami dan kita (jamak)*. Kata ganti nama diri orang kedua iaitu *awak, kamu, anda, engkau, saudara, tuan, puan, tuanku (tunggal), kalian (jamak)*. Sementara kata ganti nama diri orang ketiga seperti *dia, ia, beliau, baginda, -nya (tunggal) dan mereka*